



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATUK MOHAMMAD UBAILLILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

Setiausaha Kehormat
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat
DATIN MAHFUZAH ZAKKIAH BINTI HJ ABDAIN

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Ahli-ahli Jawatankuasa
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR
MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATO' MOHID BIN MOHAMED
AISHAH BINTI MAT DESA
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Juruaudit Dalaman
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2025(24)

2 JULAI 2025

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/ Dato'Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-24/2025: **PERUBAHAN DALAM MENJANA RESIT DAN INVOIS DI PORTAL EPIKM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) akan membuat penambahbaikan kepada Portal ePIKM mulai **3 Julai 2025 (Khamis)**. Penambahbaikan tersebut akan dibuat disebabkan pelaksanaan e-Invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

3. Penambahbaikan yang dimaksudkan di Para 2 adalah bersangkutan dengan penerimaan **invois dan resit** pembayaran yang dibuat bagi latihan CSG, TNG dan Yuran Keahlian Tahunan PIKM. Sehubungan dengan itu, Portal ePIKM (<https://www.e-pikm.my>) akan ditetapkan seperti berikut:

Pembayaran Yuran Latihan

3.1 Ahli-ahli PIKM akan menerima **Slip Pengesahan Tempahan Latihan** setelah pembayaran dibuat;

3.2 **Resit rasmi dan invois akan dikeluarkan** setelah semua peserta yang didaftarkan **hadir dan tamat latihan**;

a. **Contoh 1:** Syarikat ABC Sdn Bhd telah mendaftarkan enam (6) orang peserta dalam Portal ePIKM dan telah membuat pembayaran penuh bagi keenam-enam peserta tersebut. Sekiranya keenam-enam peserta berkenaan hadir dan disahkan tamat latihan seperti didaftarkan bagi sesuatu tempoh, maka Syarikat ABC Sdn Bhd akan menerima invois berserta resit rasmi dengan butiran keenam-enam peserta tersebut. Resit dan invois akan dijana oleh Portal ePIKM dengan serta-merta dan akan dikeluarkan oleh PIKM.

b. **Contoh 2:** Syarikat ABC Sdn Bhd telah mendaftarkan enam (6) peserta dan telah membuat pembayaran sepenuhnya bagi keenam-enam peserta tersebut. Namun, lima (5) orang peserta berkenaan didaftarkan di PULAPOL Kuala Lumpur pada sesuatu tarikh manakala seorang peserta lain didaftarkan di PULAPOL Kuala Lumpur juga pada tarikh terkemudian. Maka penerimaan resit dan invois akan berlaku secara berperingkat iaitu:

- i. **Pertama:** Syarikat akan menerima resit rasmi [setelah lima (5) peserta pertama hadir dan tamat latihan] yang mencatat pembayaran telah diterima bagi enam (6) peserta, manakala invois akan tercatat lima (5) peserta telah hadir dan tamat latihan.
- ii. **Kedua:** Syarikat akan menerima invois rasmi bagi peserta keenam setelah beliau hadir dan tamat latihan terkemudian. Ini bermakna, Syarikat boleh merujuk resit rasmi yang diterima kali pertama yang menunjukkan pembayaran sebenar adalah bagi enam (6) peserta.

Bersama-sama surat ini dilampirkan carta aliran latihan bagi proses penjanaaan resit dan invois di Portal ePIKM.

Pembayaran Yuran Keahlian


3.3 Manakala, pembayaran **Yuran Keahlian** bagi tahun 2026 yang dibuat pada tahun 2025, resit dan invois Yuran Keahlian akan dikeluarkan mulai 01 Januari 2026 tetapi **Slip Pengesahan Pembayaran Yuran Keahlian** akan dikeluarkan. Bagi pembayaran Yuran Keahlian 2026 yang dibuat pada tahun 2026, resit dan invois akan diterima pada tahun 2026 seperti biasa.

4. Perubahan penerimaan resit dan invois seperti yang dijelaskan di atas bertujuan menyelaraskan jumlah invois atau pendapatan PIKM yang diisytiharkan ke dalam Portal e-Invois LHDN dan invois yang dijana melalui Portal ePIKM. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Cik Biriya atau Unit Akaun PIKM di talian 03-7804 7359.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato'Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**HABIBULLAH BIN DATO' HAJI AHMAD
SETIAUSAHA KEHORMAT**

s.k.:

1. **Presiden**
2. **Bendahari Kehormat**

CARTA ALIRAN PENJANAAN RESIT DAN INVOIS BAGI LATIHAN DI PORTAL EPIKM

PENDAFTARAN

Contoh: Pendaftaran bagi 6 orang peserta latihan.

- i. Pendaftaran **5 orang peserta** bagi Latihan CSG di PULAPOL Kuala Lumpur pada 24 Jun 2025 sehingga 29 Jun 2025.
- ii. Pendaftaran **1 orang peserta** bagi Latihan CSG di PULAPOL Kuala Lumpur pada 1 Julai 2025 sehingga 6 Julai 2025.

PEMBAYARAN

Pembayaran yuran latihan bagi **6 orang peserta**

SLIP PENGESAHAN TEMPAHAN LATIHAN

Syarikat boleh mencetak Slip Pengesahan setelah pembayaran selesai melalui Portal ePIKM sebagai bukti bayaran bagi **6 orang peserta** yang telah didaftarkan seperti di atas.

PESERTA MENGHADIRI LATIHAN

Peserta hadir berdasarkan tarikh latihan seperti didaftarkan di (i) dan (ii).

PENERIMAAN RESIT

Syarikat boleh mencetak resit melalui Portal ePIKM berdasarkan **jumlah pembayaran dan keseluruhan kehadiran peserta (6 orang)** seperti yang didaftarkan di (i) dan (ii).

PENERIMAAN INVOIS BERPERINGKAT (PERTAMA)

Syarikat boleh mencetak **invois pertama** berdasarkan jumlah kehadiran peserta selepas tamat latihan.

Contoh: Pengeluaran invois bagi **5 orang peserta** berdasarkan contoh pendaftaran (i) di atas.

PENERIMAAN INVOIS BERPERINGKAT (KEDUA)

Syarikat boleh mencetak **invois kedua** berdasarkan jumlah kehadiran peserta selepas tamat latihan.

Contoh: Syarikat akan terima invois bagi **1 orang peserta** berdasarkan contoh pendaftaran (ii) di atas.